

TARIKH: 2/8/23  
SURAT KHABAR: Kosmo (Rabu)  
MUKA SURAT: 15

## Dua yatim piatu jadi anak angkat ditanggung dan dijaga Perkeso

**KUALA NERUS** - Dua beradik yang menjadi yatim piatu sekelip mata setelah ibu bapa mereka maut dalam kemalangan pada akhir bulan Ramadan lalu menerima bantuan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Ketua Cawangan Skuad Perkeso Prihatin, Rosmasita Mohamed berkata, Che Ku Nur Batrisya Che Ku Yusof Ali, 18, dan adiknya, Che Ku Furqan Izuddin, 11, layak menerima faedah pencen penakat berjumlah RM1,109.99 sebulan.

"Mereka akan menerima faedah pencen penakat itu secara bulanan sehingga berusia 21 tahun atau sehingga habis pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda.

"Perkeso juga serahkan faedah pengurusan mayat berjumlah RM2,000 yang disampaikan kepada ibu saudara, Fatimah Ahmad, 50, yang kini merupakan penjaga mereka," katanya selepas menyampaikan bantuan itu di Felda Belara di sini semalam.

Pada 25 April lalu dilaporkan ibu bapa dua beradik itu iaitu Che Ku Yusoff Ali Che Ku Embong, 52, dan Siti Faridah Ahmad, 46, maut selepas kereta Perodua Myvi dinaiki bertembung dengan bas ekspres di Kilometer 21.8, Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu berhampiran Sungai Ikan di sini.

Dalam nahas dua hari sebe-

lum sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut, Che Ku Nur Batrisya yang turut menaiki kereta tersebut cedera parah di kedua-dua tangan dan kaki serta pinggang.

Sewaktu kejadian, mereka dalam pulang ke kampung di Felda Belara selepas membeli persiapan raya.

Rosmasita berkata, Che Ku Furqan Izuddin yang merupakan murid tahun lima Sekolah Kebangsaan Belara di sini juga akan dijadikan anak angkat Perkeso Terengganu.

Jelas beliau, kebajikan kanak-kanak itu terutama melibatkan pendidikannya akan ditanggung dan dipantau Perkeso sehingga dia tamat persekolahan.



ROSMASITA (kiri) menyampaikan bantuan Perkeso kepada Che Ku Nur Batrisya (kanan) di rumah Fatimah di Felda Belara, Kuala Nerus semalam.

KOSMO (Rabu)  
2/8/23  
MS15